

27/03/1997

KL PRT meterai perjanjian di Jepun

Mahfar Ali in Tokyo

KL PRT Sdn Bhd yang mendapat kepercayaan kerajaan untuk melaksanakan projek pengangkutan transit ringan atau People-mover Rapid Transit (PRT), semalam menandatangani perjanjian dengan sebuah konsortium Jepun bagi perolehan sistem rangkaian pengangkutan awam itu serta peralatan dan perkhidmatan berkaitan berharga RM720 juta.

Menerusi perjanjian itu, Hitachi Ltd akan mereka bentuk dan membekalkan kereta api berkenaan manakala Toyo Engineering Corporation bertanggungjawab membuat kerja pemasangan.

Sebuah lagi syarikat Jepun yang menyertai konsortium itu, Itochu Corporation, pula terbabit dalam aspek penyelenggaraan.

Majlis menandatangani perjanjian itu diadakan di Tokyo dan turut disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke Jepun.

KL PRT diwakili Pengerusinya, Datuk Kamarudin Jaffar dan Pengarahnya, Tan Sri Vincent Tan serta Pengarah Urusan, David Chew.

Konsortium berkenaan pula diwakili Eksekutif Naib Presiden Itochu, Takashi Yamamura; Presiden dan Ketua Eksekutif Toyo Engineering, Morio Sonoda serta Pengarah Urusan Hitachi Ltd, Kunio Hamada.

Menurut kenyataan KL PRT, pembinaan sistem pengangkutan transit ringan itu sepanjang 16 kilometer di Kuala Lumpur membabitkan perbelanjaan RM1.9 bilion.

Sistem pengangkutan itu akan berdasarkan versi yang serupa dengan kereta api Tokyo Monorail Series 1000 yang dipertingkatkan secara teknikal dan diperbaiki bagi menyesuaikan dengan keperluan Kuala Lumpur.

Sistem PRT itu akan menyokong perkhidmatan dua sistem Transit Aliran Ringan (LRT) yang sedang dilaksanakan dua syarikat, Star dan Putra, dan juga perkhidmatan komuter elektrik oleh KTM Komuter.

Kenyataan itu berkata satu sistem monorel berpangku, PRT akan dikeluarkan menggunakan bahan kalis api dan tidak toksik menurut standard antarabangsa.

Perkhidmatan PRT itu akan mengandungi empat gerabak, pasangan berkembar kekal yang membentuk sebuah kereta api dua gerabak depan dan belakang dan dua gerabak tengah.

Tinggi kereta api itu ialah 4.51 meter, lebarnya tiga meter, beratnya 102 tan dan jumlah panjangnya 63.5 meter.

Sistem PRT akan mengendalikan 14 kereta api monorel dengan 21 stesen dari Jalan Tun Razak ke Kampung Pasir di Jalan Klang Lama melalui Bukit Bintang, Brickfields dan Taman Desa.

Seksyen pertama 8 kilometer dari Jalan Tun Razak (stesen Bas Pekeliling) ke Brickfields dijadual siap akhir 1998 dan Seksyen 2 dari Brickfields ke Kampung Pasir menjelang akhir 1999.

(END)